

BULI: DARI TRAUMA KE KUASA

Isu buli dalam kalangan remaja kini kembali mencuri perhatian, khususnya apabila insiden keganasan membabitkan kecederaan sehingga menimbulkan persoalan mengenai keselamatan.

Mengapa ini boleh berlaku dan apakah ada jalan penyelesaian secara kolektif agar ia dapat dibendung dan tidak berlaku lagi pada masa depan.

Ikuti wawancara Pakar Perunding Psikiatri Kanak-kanak dan Remaja, Hospital Sultan Abdul Aziz Shah Universiti Putra Malaysia (UPM), **DR RAHIMA DAHLAN @ MOHD SHAFIE** bersama wartawan **NOR 'ASYIKIN MAT HAYIN** bagi mengupas isu ini.



SEBAHAGIAN remaja yang membuli untuk rasa berkuasa, mahu dipandang 'hebat' atau untuk diterima rakan sebaya.

Secara ringkas, apa faktor remaja terjebak dengan kegiatan buli?

Remaja menjadi pembuli kerana pelbagai sebab. Ada yang dirinya pernah menjadi mangsa penderaan di rumah atau sekolah, lalu 'memindahkan' kemarahan itu kepada orang lain.

Ada pula yang membuli untuk rasa berkuasa, mahu dipandang 'hebat' atau untuk diterima rakan sebaya.

Dalam masyarakat yang menjadikan kekasaran sebagai tanda kejantanan atau kekuasaan, buli sering dilihat sebagai norma, bukan masalah.

Kurang bimbingan emosi dan tiada sempadan disiplin juga menyumbang kepada tingkah laku membuli.

Apakah ia ada kaitan dengan masalah mental?

Tidak semua remaja yang membuli ada masalah mental, tetapi sebahagiannya berkait dengan isu seperti gangguan tingkah laku, trauma, kemurungan, kebimbangan atau gangguan hiperaktif defisit tumpuan (ADHD).

Masalah ini mungkin tidak disedari, lalu tingkah laku agresif menjadi cara mereka 'berkomunikasi'.

Walau bagaimanapun, faktor persekitaran seperti kekerasan dalam keluarga dan pengaruh

media juga menyumbang.

Masalah mental tidak boleh dijadikan alasan untuk membuli, sebaliknya ia isyarat bahawa remaja itu perlukan saringan dan intervensi awal.

Kerjasama antara ibu bapa, guru dan profesional kesihatan

DIDIKAN empati sejak kecil, mewujudkan hubungan keluarga yang sihat, disiplin positif dan pemantauan rakan serta media sosial dipercayai mampu mengurangkan gejala buli pada masa depan.

mental penting untuk membimbing mereka kembali ke landasan yang betul dengan empati serta ketegasan.

Jika masalah mental menjadi antara punca, apakah tindakan selanjutnya perlu dilakukan?

Langkah pertama ialah penilaian profesional oleh pakar psikiatri atau psikologi.

Rawatan boleh meliputi terapi

individu, keluarga, ubat (jika perlu) serta intervensi di sekolah.

Yang penting, remaja tidak dipencilkan tetapi dibimbing. Pendekatan tegas, tetapi penuh empati adalah perlu agar remaja pulih dan tidak terus menjejaskan orang lain.

Ada yang berani bertindak ganas hingga mendatangkan kecederaan atau menyebabkan kematian. Pendapat Dr dengan senario ini?

Ini tanda amaran besar. Ia bukan lagi 'kes budak-budak bergaduh'.

Ia mencerminkan kegagalan kita mengesan dan membimbing sejak awal.

Keganasan serius sering bermula daripada tingkah laku agresif kecil yang dibiarkan tanpa intervensi.

Kita perlu bertindak sebelum tragedi berlaku dengan bimbingan, intervensi awal dan sistem yang menyokong, bukan hanya menghukum.

Apa jalan terbaik untuk mengelak daripada terbabat dengan kegiatan buli?

Mulakan dengan didikan empati sejak kecil. Wujudkan hubungan keluarga yang sihat, disiplin positif dan pemantauan rakan serta media sosial.

Sekolah perlu ada dasar anti buli yang jelas, bukan sekadar menghukum dan saringan awal bagi remaja yang berisiko mesti diperkasa sebelum buli menjadi tabiat.

Adakah undang-undang di Malaysia tidak tegas menyebabkan ada yang bertindak di luar batasan?

Malaysia ada undang-undang yang mencukupi, Kanun Keseksaan, Akta Kanak-Kanak dan garis panduan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Namun, masalahnya ialah pelaksanaan dan budaya membiarkan. Apabila pembuli tidak dikenakan tindakan tegas atau hanya 'ditegur', mesej yang dihantar ialah 'tak apa, kau masih budak'.

Maka remaja tidak takut, malah berani ulangi perbuatan. Namun, penguatkuasaan mesti disertai dengan pendidikan dan intervensi awal bukan sekadar menghukum, tetapi memahami punca, memberi bimbingan serta membina sistem sokongan yang berkesan.

